

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Veterinar makmal UPM diiktiraf Jabatan Standard Malaysi...

07. Aug 2008

Berita Harian

Pendidikan

217920

2083000

Language MALAY

Page No 22

Article Size 354 cm2

Frequency Daily

Color Full Color

AdValue 6276.05



Veterinar

Makmal UPM diiktiraf Jabatan Standard Malaysia

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bharian.com.my

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menerusi Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar (VLSU), Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) muncul institusi pengajian tinggi awam pertama memperoleh pensijilan Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) MS ISO/IEC MS17025: 2005 oleh Jabatan Standard Malaysia.

Penganugerahan pensijilan bagi tujuan pengujian veterinar itu disampaikan Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Fadilah Baharin kepada Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah pada satu majlis di Serdang, baru-baru ini.

VLSU adalah makmal ketiga di negara ini berjaya memperoleh pengiktirafan itu selepas Vet Food Agro Diagnostics (M) Sdn Bhd dan Makmal Veterinar Kawasan Petaling Jaya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Usaha fakulti berkenaan mendapatkan sijil akreditasi itu bermula pada 2006 dengan mewujudkan Jawatankuasa Akreditasi Makmal.

Jawatankuasa dianggotai sembilan pegawai diketuai Dr Zunita Zakaria yang bertanggungjawab mengurus pelbagai kegiatan termasuk penyediaan dokumen, latihan audit dalaman serta kawalan mutu.

Berucap pada majlis itu, Nik Mustapha berkata, UPM sentiasa berusaha mencapai pengiktirafan antarabangsa dan kejayaan diperolehi disifatkan penyumbang ke arah kecemerlangan universiti itu sebagai universiti penyelidikan.

Katanya, pensijilan SAMM merangkumi tiga skop berbe-



IKTIRAF: Fadilah menyerahkan SAMM kepada Nik Mustapha.

za iaitu bakteriologi, serologi dan virologi yang diakreditasi menerusi sembilan ujian makmal berbeza.

“Kepercayaan pengguna terhadap sesuatu produk dapat ditingkatkan jika pengguna mengetahui produk itu memenuhi spesifikasi ditetapkan dan diuji di makmal yang diiktiraf Jabatan Standard Malaysia”

Fadilah Baharin
Ketua Pengarah
Jabatan Standard Malaysia

“Sebagai sebuah makmal yang aktif dalam penyediaan perkhidmatan profesional dan penyelidikan, sijil itu penting bagi meyakinkan pelanggan terhadap kaedah pengujian serta ujian makmal yang dilaksanakan mempunyai ketepatan tinggi dan boleh dipercayai.

“Malah, saya yakin skop akreditasi makmal ini mampu diperluaskan bagi memenuhi permintaan pelanggan pada masa depan,” katanya.

Sementara itu, Fadilah berkata, Jabatan Standard Malaysia selaku Badan Akreditasi Kebangsaan berperanan menyediakan sistem yang membolehkan makmal di Malaysia memenuhi spesifikasi global untuk terus bersaing antarabangsa.

Skim akreditasi itu katanya, memberi pelbagai faedah kepada industri dan pengguna terutama penjimatan kos.

Malah beliau berkata, ia juga mampu meningkatkan keyakinan dan jaminan kedua-dua belah pihak terhadap kualiti atau kepercayaan serta keselamatan sesuatu produk yang diperlukan dengan adanya sijil akreditasi itu.

“Kepercayaan pengguna terhadap sesuatu produk dapat ditingkatkan jika pengguna mengetahui produk itu memenuhi spesifikasi ditetapkan dan diuji di makmal yang diiktiraf Jabatan Standard Malaysia,” katanya.